



Harian Metro

28/01/2012

Page: 24

Section: General News

Region: Malaysia Circulation: 403640

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 310.00 sq.cms

Frequency: MTWTF

Tabur jasa pada negara

Empat pelajar UPNM dipilih sebagai pegawai kadet terbaik ikrar balas budi kepada pemimpin

>>Oleh Sharifah Norfaezah Wan Ahmad Makki Mashor

KUALA LUMPUR: "Sejak kecil, saya memang bercita-cita menjadi seorang yang berjasa kepada negara dan saya bersyukur dipilih sebagai Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan," kata Luqman Hakim Sahar, 24.

Pelajar tahun kelima jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Komunikasi), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) itu berkata, dia terdorong meneruskan minatnya dalam bidang ketenteraan hasil pengaruh pemimpin yang di-

lihatnya berjasa kepada masyarakat.

"Tidak sangka saya terpilih...ini akan saya jadikan sebagai titik tolak berjaya ke peringkat seterusnya sehingga galah saya bergelar pegawai kelak," katanya pada sidang media Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah, di sini, semalam.

Pegawai Kadet Terbaik Tentera Laut, Muhammad Fathullah Idris, 24, berkata, sifat kepimpinan dalam dirinya sejak dulu membuka langkahnya menjadi seseorang yang berketrampilan dalam bidang ketenteraan.

"Tidak mudah mencapai

apa yang saya dapat sekarang kerana persaingan sengit di kalangan rakan. Masa dan komitmen tinggi diperlukan untuk berjaya dalam akademik dan juga latihan ketenteraan," katanya.

Dua lagi pegawai kadet yang akan menerima penganugerahan adalah Pegawai Kadet Terbaik Tentera Darat, Mohd Eskandar Mirza Mohd Yusof, 24, dan Pegawai Kadet Terbaik Tentera Udara, Umar Azizi Ramli, 23.

Sementara itu, Naib Canselor UPNM, Datuk Wira Al-латif Mohd Noor berkata, istiadat itu membabitkan 302 pegawai kadet pengambilan

2005 hingga 2007.

"Daripada jumlah itu, 131 pegawai kadet ditauliahkan ke dalam Perkhidmatan Tentera Darat, 118 diserap ke Perkhidmatan Tentera Laut dan selebihnya ke Perkhidmatan Tentera Udara," katanya.

Majlis Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah kali kedua pada hari ini dijangka dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah serta Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah. Hadir sama, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.



CEMERLANG...(dari kiri) Luqman, Umar, Fathullah dan Eskandar terpilih sebagai Pegawai Kadet Terbaik.